

**STRES GURU DISIPLIN  
DI DAERAH PERAK TENGAH**

**MOHAMAD ASRI BIN KHALID**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT BAGI MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2015**

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap stres dalam kalangan guru disiplin dengan mengenal pasti perbezaan tahap stres daripada aspek jantina dan mengikut simptom-simptom stres serta mengenal pasti hubungan tahap stres guru disiplin dalam kalangan guru disiplin di daerah Perak Tengah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan data diperoleh daripada soal selidik yang menggunakan skala Likert lima mata. Soal selidik yang digunakan berdasarkan soal selidik "*Teacher Stress Inventory*" yang mengandungi tiga bahagian, iaitu bahagian A (maklumat demografi responden), bahagian B (soal selidik faktor stres guru) dan bahagian C (simptom-simptom stres guru). Darjah kebolehpercayaan (*Alfa Cronbach*) bagi instrumen yang digunakan ialah 0.930. Seramai 140 orang guru disiplin dari 11 buah sekolah menengah harian telah dipilih secara persampelan berstrata sebagai responden bagi kajian ini. Data diproses melibatkan statistik deskriptif, iaitu pengukuran frekuensi, skor min, sisihan piawai dan peratusan. Data juga diproses menggunakan statistik inferensi, iaitu ujian-T dan ujian perkaitan Pekali Korelasi *Spearman*. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana dengan min = 2.92 dan sisihan piawai = 0.63. Kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan di antara tahap stres guru disiplin perempuan dengan guru disiplin lelaki dengan ( $t = - 0.879, p > 0.05$ ). Dapatan analisis *ANOVA* sehalu menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres guru disiplin dengan simptom fisiologi dengan  $F=3.503, p>0.05$  dan simptom psikologi dengan  $F=2.930, p>0.05$ . Walau bagaimanapun, kajian ke atas simptom tingkah laku menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres dengan simptom tingkah laku dengan  $F=4.379, p<0.05$ . Ujian *Spearman rho* menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah dengan umur, pengalaman mengajar dan pengalaman sebagai guru disiplin. Diharap hasil kajian ini dapat membantu semua pihak yang terlibat dalam mengurus disiplin pelajar terutamanya dalam pengurusan stres.

## STRESS OF DISCIPLINARY TEACHERS IN PERAK TENGAH DISTRICT

### ABSTRACT

This study aimed to assess the level of stress among disciplinary teachers by identifying the different levels of stress according to gender, the different levels of stress according to the symptoms of stress and the relationships between stress level and demographical factors in Perak Tengah district. This study employed a survey method and data was obtained from questionnaire using five-point Likert Scale. The Teacher Stress Inventory questionnaires which consists of three parts, i.e. part A, (demographical information), part B (teacher questionnaire stress factors) and part C (teacher stress symptoms) was administrated. The reliability (Alpha Cronbach) of the instruments used was 0.930. A total of 140 disciplinary teachers from 11 secondary schools were chosen as respondents for this study by using strata method of sampling. Data were analyzed using descriptive statistics, i.e. the measurement of frequency, mean, standard deviation and percentage. Data was also analyzed using inferential statistics, i.e. the t-test and Spearman correlation coefficient test. Results from the study showed that the level of stress of disciplinary teachers in Perak Tengah district was at a moderate level with mean = 2.92 and standard deviation = 0.63. The study also showed that there were no difference between the stress level of female disciplinary teachers and male disciplinary teachers ( $t = -0.879$ ,  $p > 0.05$ ). One-way ANOVA results showed no significant differences between the level of stress of disciplinary teachers in Perak Tengah district with physiological symptoms ( $F = 3.503$ ,  $p > 0.05$ ) and psychological symptoms ( $F = 2.930$ ,  $p > 0.05$ ). However, the results indicated that there was a significant difference between the level of stress of discipline teacher in Perak Tengah district with behavioral symptoms ( $F = 4.379$ ,  $p < 0.05$ ). The Spearman's rho test showed that there was no significant relationship between the level of stress of disciplinary teachers and demographical factors, i.e. age, teaching experience and experience as a disciplinary teacher in the Perak Tengah district. It is hoped that this research can help all parties involved in managing students' discipline especially in the stress management.

**KANDUNGAN**

**Muka Surat**

	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xiv
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Hipotesis Kajian	11
1.6.1	Hipotesis Nul	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi Konsep dan Operasional	15
1.9.1	Stres	15
1.9.2	Mengetahui Tahap	16
1.9.3	Faktor Demografi	17

1.9.4	Guru Disiplin	17
1.10	Kerangka Konseptual	18
1.11	Rumusan	21

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep dan Teori Stres	24
2.2.1	Model Tekanan Guru Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni (1995)	29
2.2.2	Model Tekanan Kerja Guru Kyriacou dan Sutcliffe (1978)	30
2.3	Konsep dan Teori Simptom Stres	33
2.3.1	Teori Tindak Balas Selye (1975)	36
2.3.2	Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970)	40
2.4	Kajian Lepas Berkaitan Dengan Stres	42
2.4.1	Kajian Dalam Negara	43
2.4.2	Kajian Luar Negara	48
2.5	Rumusan	53

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	54
3.2	Rekabentuk Kajian	55
3.3	Lokasi Kajian	57
3.4	Batasan Kajian	58

3.5	Populasi dan Sampel Kajian	59
3.6	Instrumen Kajian	63
3.6.1	Bahagian A : Demografi	66
3.6.2	Bahagian B : Faktor-Faktor Stres	66
3.6.3	Bahagian C : Simptom-Simptom Stres	67
3.7	Kajian Rintis	68
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	71
3.9	Tatacara Penganalisan Data	72
3.10	Rumusan	76

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	78
4.2	Analisis Deskriptif	79
4.2.1	Jantina	79
4.2.2	Umur	80
4.2.3	Pengalaman Mengajar	81
4.2.4	Pengalaman Sebagai Guru Disiplin	82
4.2.5	Analisis Faktor Kerenah Pelajar	83
4.2.6	Analisis Faktor Bebanan Tugas	87
4.2.7	Analisis Faktor Suasana Kerja	90
4.2.8	Analisis Faktor Hubungan Organisasi	94
4.2.9	Analisis Simptom Stres	97
4.3	Apakah Tahap Stres yang Dihadapi oleh Guru Disiplin di Daerah Perak Tengah	99

4.4	Adakah Wujud Perbezaan Tahap Stres Guru Disiplin di Daerah Perak Tengah daripada Aspek Jantina	101
4.6.1	Pengujian $H_{01}$	102
4.5	Adakah Terdapat Perbezaan Antara Tahap Stres Guru Disiplin di Daerah Perak Tengah Mengikut Simptom-Simptom Stres	103
4.5.1	Pengujian $H_{02}$	104
4.5.2	Pengujian $H_{03}$	105
4.5.3	Pengujian $H_{04}$	106
4.5.4	Dapatan Kajian Perbezaan Antara Tahap Stres Guru Disiplin Mengikut Simptom-Simptom Stres	107
4.6	Apakah Hubungan Tahap Stres Guru Disiplin di Daerah Perak Tengah Berdasarkan Faktor Demografi	108
4.6.1	Pengujian $H_{05}$	109
4.6.2	Pengujian $H_{06}$	110
4.6.3	Pengujian $H_{07}$	111
4.6.4	Dapatan Kajian Hubungan Stres Guru Disiplin Berdasarkan Faktor Demografi	112
4.7	Rumusan	113

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	114
5.2	Ringkasan Kajian	115

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
5.3	Perbincangan	117
5.4	Implikasi Kajian	121
5.5	Cadangan Kajian	122
5.5.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	122
5.5.2	Pihak Pentadbir Sekolah	123
5.5.3	Guru-guru	125
5.5.4	Rakan Sekerja	126
5.5.5	Cadangan Umum Bagi Pengurusan Tekanan Efektif	127
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	129
5.7	Kekangan Kajian	131
5.8	Rumusan	132
RUJUKAN		134
LAMPIRAN		



**SENARAI JADUAL**

Jadual	Muka Surat
2.1 Penyakit Psikosomatik yang Berkaitan Dengan Tekanan	35
3.1 Bilangan Populasi Guru Disiplin Mengikut Sekolah	60
3.2 Penentuan Saiz Sampel Berdasarkan Populasi Krejcie dan Morgan	61
3.3 Bilangan Sampel Guru Disiplin Mengikut Sekolah	63
3.4 Jadual Spesifikasi Instrumen	65
3.5 Skala Jawapan untuk Soal Selidik Bahagian B	67
3.6 Skala Jawapan untuk Soal Selidik Bahagian C	68
3.7 Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Faktor dan Simptom Stres	70
3.8 Tatacara Penganalisan Data	72
3.9 Indikator Penilai Tahap Stres	73
3.10 Penentuan Hipotesis N <sub>0</sub> Berdasarkan Nilai Signifikan	75
3.11 Nilai Pekali Kolerasi	76
4.1 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	79
4.2 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	80
4.3 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	81
4.4 Taburan Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Pengalaman Sebagai Guru Disiplin	82
4.5 Analisis Kekekapan, Peratusan dan Min Responden Berdasarkan Faktor Kerenah Pelajar	83
4.6 Analisis Kekekapan, Peratusan dan Min Responden Berdasarkan Faktor Bebanan Tugas	87
4.7 Analisis Kekekapan, Peratusan dan Min Responden Berdasarkan Faktor Suasana Kerja	90
4.8 Analisis Kekekapan, Peratusan dan Min Responden Berdasarkan Faktor Hubungan Organisasi	94
4.9 Analisis Kekekapan, Peratusan dan Min Responden Berdasarkan Simptom-Simptom Stres	98
4.10 Tahap Stres Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Setiap Faktor Stres	100

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.11	Perbandingan Tahap Stres Guru Disiplin Mengikut Jantina	102
4.12	Keputusan Ujian-T Perbandingan Tahap Stres Guru Disiplin Mengikut Jantina	103
4.13	Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Guru Disiplin Mengikut Simptom Fisiologi	104
4.14	Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Guru Disiplin Mengikut Simptom Psikologi	105
4.15	Min dan Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Guru Disiplin Mengikut Simptom Tingkah Laku	107
4.16	Nilai Signifikan Bagi Perbezaan Antara Tahap Stres Guru Disiplin Mengikut Simptom-Simptom Stres	107
4.17	Nilai Signifikan dan Korelasi Spearman Bagi Hubungan Antara Tahap Stres Guru Disiplin dengan Umur	109
4.18	Nilai Signifikan dan Korelasi Spearman Bagi Hubungan Antara Tahap Stres Guru Disiplin dengan Pengalaman Mengajar	110
4.19	Nilai Signifikan dan Korelasi Spearman Bagi Hubungan Antara Tahap Stres Guru Disiplin dengan Pengalaman Sebagai Guru Disiplin	111
4.20	Dapatan Kajian Nilai Signifikan dan Korelasi Spearman Bagi Hubungan Antara Tahap Stres Guru Disiplin dengan Faktor Demografi	112

**SENARAI RAJAH**

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1 Model Tekanan Guru Boyle, Borg, Falzon dan Baglioni (1995)	29
2.2 Model Tekanan Kerja Guru oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978)	31
2.3 Sindrom Penyesuaian Umum yang Disaran oleh Selye (1975)	39
2.4 Hierarki Keperluan Maslow (1970)	42

## SINGKATAN DAN SIMBOL

ANOVA	Analisis Varian Satu Hala
ASI	<i>Administrative Stress Index</i>
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FTSI	<i>Fimian Teacher Stress Inventory</i>
GAS	<i>General Adaptation Syndrome</i>
HOS	<i>Health Opinion Study</i>
KPI	<i>Key Performance Index</i>
NKRA	<i>National Key Results Area</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
<	Kurang Daripada
>	Lebih Daripada
p	Aras Signifikan
N	Jumlah Sampel
SD	Sisihan Piawai
r	Pekali Korelasi

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan aset penting kepada semua individu dan pembangunan sesebuah negara. Pembangunan modal insan menjadi tonggak kepada kejayaan sesebuah negara. Untuk membentuk manusia yang seimbang dalam menghadapi kesan globalisasi memerlukan tenaga pengajar yang sesuai dengan keperluan semasa. Modal insan yang perlu dibangunkan haruslah seimbang daripada segi jasmani, emosi,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

rohani, intelek dan sosial. Justeru, pembentukan sahsiah pelajar haruslah bermula daripada rumah hinggalah ke sekolah.

Menjadi tanggungjawab ibu bapa di rumah untuk mengawal selia sahsiah dan disiplin anak-anak manakala di sekolah pula adalah menjadi tanggungjawab guru untuk membantu dalam pembentukan disiplin dan sahsiah pelajarnya agar selari dengan kehendak masyarakat dan negara. Tanggungjawab guru yang kian mencabar bukan sahaja daripada dunia pendidikan itu sendiri, tetapi juga masyarakat yang meletakkan tanggungjawab yang tinggi kepada guru disiplin khasnya bagi memastikan anak mereka menjadi orang yang berakhlak dan berdisiplin tinggi. Kestabilan emosi amat diperlukan dalam melaksanakan segala tanggungjawab yang diamanahkan.

Pada 27 Julai 2009, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), termasuk membabitkan bidang usaha bagi mengurangkan kadar jenayah dan memerangi rasuah. Bidang-bidang lain termasuk meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman dan menambah baik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana.

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang ketiga ialah meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Ilmu pengetahuan menjadi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

penyuluh yang menerangi kegelitaan hidup di dunia. Malah, ilmu menjadi prasyarat kepada pembikinan mana-mana tamadun yang pernah terbina dan yang menentukan kelancangannya. Justeru, kerajaan akan terus mengiktiraf dan memberikan ruang kepada yang terbaik dan terbilang tanpa mengira latar keturunan mahupun taraf sosioekonomi. Oleh itu, dalam bidang pendidikan, Perdana Menteri mahu memastikan anak-anak bangsa mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Mahu tidak mahu, generasi muda Malaysia perlu berilmu, mesti berfikiran kreatif, berinovatif, bercirikan nilai murni serta mampu bersaing di persada antarabangsa yang penuh cabaran ini dari kemudahan yang diberikan.

Hasrat murni kerajaan melalui NKRA ini akan terhasil sekiranya watak-watak utama dalam bidang perguruan diberi penekanan. Guru haruslah dipelihara daripada segi ekonomi ataupun emosi. Kewujudan guru yang stabil daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah amat penting bagi memastikan segala hasrat kerajaan untuk memastikan bidang pendidikan menghasilkan modal insan yang berpotensi besar bagi membawa nama negara ke persada antarabangsa. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa NKRA ini adalah bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang berhasrat melahirkan pelajar yang seimbang daripada semua segi. Bagi memastikan pendidikan dapat menghasilkan pelajar yang menjadi aset penting kepada negara, maka seharusnya guru yang menjadi agen utama kepada perubahan pelajar juga diberi keutamaan terutamanya daripada segi emosi. Tekanan yang dihadapi oleh guru perlu dikurangkan bagi menjamin kelangsungan pendidikan yang berkualiti.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Stres dalam kalangan guru yang meliputi kerenah pelajar, bebanan kerja, suasana kerja dan hubungan organisasi memberi kesan terhadap kehidupan seharian seorang guru khususnya guru yang terlibat dengan tugas-tugas khas seperti guru disiplin. Situasi dan berita yang melibatkan guru-guru di sekolah sering dipaparkan di dada-dada akhbar yang memberi impak dalam kerja dan kehidupan seharian guru. Akhbar Berita Harian bertarikh 28 Februari 2011 memaparkan dakwaan 11 orang pelajar perempuan Tingkatan Tiga sebuah sekolah menengah di Ampang mengadu dicabul oleh guru disiplin ketika merotan mereka bagi kesalahan tidak hadir ke perhimpunan pagi kerana ingin menyiapkan kerja sekolah. Akhbar Berita Harian bertarikh 23 Julai 2007 juga memaparkan kes dakwaan 22 orang murid Tahun Empat Sekolah Kebangsaan Gayang, Tuaran ditampar kerana tidak menyiapkan kerja sekolah di rumah. Tindakan yang dilakukan oleh guru dalam kes ini adalah keterlaluan serta memalukan warga guru yang mengutamakan prosedur dan garis panduan salah laku pelajar di sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Hukuman yang dikenakan oleh guru-guru tersebut bukanlah suatu isu remeh-temeh kerana ia membabitkan psikologi para pelajar itu sendiri.

Situasi ini akan mewujudkan perasaan tertekan, dendam, malu yang sekaligus menghantui fikiran pelajar. Isunya ialah mengapakah guru-guru berkecua bertindak sedemikian? Adakah kerana rasa tertekan atau stres dalam kalangan guru yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai kerenah pelajar yang berulang dan berterusan? Adakah mungkin stres guru disebabkan oleh beban dan tanggungjawab terhadap



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

tugas-tugas khas yang telah dipertanggungjawabkan seperti tugas sebagai guru disiplin?

Stres dalam konteks kerja ditakrifkan sebagai respon penyesuaian kepada persekitaran yang disebabkan oleh perbezaan individu. Cara penyesuaian kepada persekitaran, situasi atau kejadian mungkin menimbulkan kesan psikologi atau fizikal secara berlebihan. Apabila wujud gejala stres tempat kerja, maka timbullah beberapa reaksi negatif seperti perasaan marah, tidak puas hati, runting dan mengalami gangguan tidur. Stres kerja juga boleh disifatkan sebagai proses atau situasi yang mengancam kesejahteraan organisma atau organisasi. Situasi yang terbit dari peristiwa secara fizikal, persekitaran dan fisiologi boleh mempercepatkan tindak balas organisma ke arah positif atau sebaliknya.

Stres pekerjaan dalam kalangan guru telah mendapat perhatian negara barat sejak dua dekad yang lalu. Ini boleh dibuktikan dengan banyak kajian stres telah dijalankan ke atas guru (Kyriacou dan Sutcliffe, 1978). Di Malaysia, kajian mengenai stres pekerjaan dalam kalangan guru telah menarik ramai pengkaji seperti Chang, (1997) ; Noran Fauziah, Zaidatol dan Rahil, (2002); Kamarulzaman, (2007); Azrul Hisyam, (2009); dan Azhar dan Samsiah, (2010). Bukti-bukti daripada kajian stres ke atas guru menunjukkan masalah ini berada pada tahap yang perlu diberi perhatian. Guru-guru menyedari bahawa sedikit stres yang diberikan dalam melaksanakan tugas akan memberi kebajikan dan memberi kesan dalam prestasi kerja. Tetapi stres yang berlebihan akan mengurangkan prestasi kerja serta menjejaskan kesihatan terutama dari segi mental dan fizikal.

Menurut Farber (1984), profesion perguruan merupakan satu pekerjaan yang mudah mendatangkan stres. Kajian yang telah dijalankan ke atas guru menunjukkan pengalaman stres tidak sama dalam kalangan mereka. Pengalaman tersebut berbeza antara guru dengan guru yang lain. Masalah pelanggaran disiplin di sekolah merupakan isu masyarakat yang tidak henti-henti dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat. Kejadian melanggar disiplin di sekolah-sekolah bukanlah perkara baru berlaku tetapi telah wujud lebih dahulu daripada sistem pendidikan. Bertambahnya pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar telah menimbulkan pertanyaan umum tentang keberkesanan segala dasar dan peraturan yang digunakan untuk peningkatan dan pengukuhan disiplin di sekolah. Disiplin menjadi satu kawalan sosial bagi mewujudkan suasana tenteram supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan lancar. Bagi masyarakat di luar sekolah, disiplin adalah asas penting bagi membentuk kerukunan hidup selaras dengan norma, nilai dan aspirasi negara.

Guru adalah golongan yang perlu memberi pemupukan disiplin pelajar-pelajar ketika berada di alam persekolahan. Di sekolah, guru disiplin adalah guru yang menjalankan tanggungjawab mendisiplinkan pelajar. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975 menyatakan semua guru adalah guru disiplin. Secara teorinya, semua guru adalah guru disiplin. Namun, kenyataannya beban tugas mengawal disiplin pelajar ini diletakkan di bawah sesetengah guru yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas khas, iaitu sebagai guru disiplin.

Secara keseluruhannya, kajian lalu banyak mengatakan tentang stres dalam kalangan guru melibatkan stres pekerjaan, stres guru sebagai guru mata pelajaran dan stres guru semasa menjalani latihan mengajar. Hasil penelitian penyelidik, tidak terdapat kajian yang memfokuskan kepada stres guru yang melibatkan kepada tugas-tugas khas seperti guru disiplin. Oleh itu, kajian ini akan meninjau stres dalam kalangan guru disiplin di daerah Perak Tengah dengan pemboleh ubah bersandar, iaitu tahap stres guru disiplin. Seterusnya penyelidik mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada stres dalam kalangan guru disiplin di samping simptom-simptom stres yang dialami oleh guru disiplin tersebut.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian mengenai tahap stres dan faktor-faktor yang menyumbang kepada stres guru telah mula diberi perhatian. Menurut Mohd Taib dan Hamdan (2006), berdasarkan kajian yang dijalankan oleh *University of Manchester Institute Science and Technology* didapati bidang pekerjaan guru mempunyai kadar stres yang tinggi, iaitu pada skala 6.2 dari skala stres 0 hingga 10. Tahap stres guru yang tinggi ini disumbangkan oleh perubahan dan persaingan dunia pendidikan dalam menghadapi era globalisasi. Guru-guru terpaksa menjalankan tugas bagi memenuhi kehendak pelbagai pihak seperti kehendak organisasi sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan serta kehendak pelajar, ibu bapa, masyarakat dan negara.

Menurut Dunham (1992), terdapat lima faktor utama yang menyebabkan berlakunya tekanan kerja guru, iaitu salah laku pelajar, beban tugas, keperluan penghargaan, kekangan masa dan sumber dan hubungan interpersonal.

Kamarulzaman (2007) menyatakan bahawa faktor salah laku pelajar merupakan faktor yang dominan berbanding faktor-faktor lain seperti kekangan masa dan sumber, beban tugas, perhubungan interpersonal dan penghargaan yang menyebabkan tekanan kerja dalam kalangan guru. Kajian ini menunjukkan bahawa faktor salah laku pelajar adalah faktor paling signifikan daripada lima faktor utama yang menyebabkan tekanan kerja guru. Walaupun responden yang dikaji hanya bilangan yang kecil, namun dapatan kajian tetap menunjukkan terdapatnya tekanan kerja dalam kalangan guru di Sekolah Menengah dan faktor utama yang menyumbang kepada tekanan guru ialah faktor disiplin para pelajar. Oleh itu, kajian yang akan dilakukan adalah merujuk terus kepada stres guru disiplin yang sinonim dengan masalah disiplin pelajar. Masalah disiplin pelajar sering dikaitkan dengan tingkah laku pelajar. Suppiah (2013) menyatakan tingkah laku boleh diuji secara luaran kerana ia boleh dilihat melalui pemerhatian. Manakala emosi tidak dapat diuji secara pemerhatian mata kasar kerana tidak wujud dalam entiti yang dapat dilihat.

Di samping menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik, guru terpaksa menjalankan tanggungjawab lain yang melibatkan tugas-tugas khas seperti guru disiplin. Kewujudan guru disiplin di sekolah adalah bagi memenuhi tuntutan sosial masyarakat bagi menyelesaikan masalah sosial dalam kalangan pelajar seperti gejala

vandalisme, melepak, merokok dan sebagainya. Tuntutan inilah antara penyebab berlaku stres dalam kalangan guru disiplin di sekolah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengetahui tahap stres yang dihadapi oleh guru disiplin di daerah Perak Tengah.
- ii. Mengenal pasti perbezaan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah daripada aspek jantina.
- iii. Mengenal pasti perbezaan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah mengikut simptom-simptom stres.
- iv. Mengenal pasti hubungan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah berdasarkan faktor demografi, iaitu umur, pengalaman mengajar dan pengalaman sebagai guru disiplin.

#### **1.5 Soalan Kajian**

- i. Apakah tahap stres yang dihadapi oleh guru disiplin di daerah Perak Tengah?
- ii. Adakah wujud perbezaan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah daripada aspek jantina?

iii. Adakah terdapat perbezaan antara tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah mengikut simptom-simptom stres?

- a) Adakah terdapat perbezaan antara tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah mengikut simptom fisiologi?
- b) Adakah terdapat perbezaan antara tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah mengikut simptom psikologi?
- c) Adakah terdapat perbezaan antara tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah mengikut simptom tingkah laku?

iv. Apakah hubungan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah berdasarkan faktor demografi?

- a) Apakah hubungan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah dengan umur?
- b) Apakah hubungan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah dengan pengalaman mengajar?
- c) Apakah hubungan tahap stres guru disiplin di daerah Perak Tengah dengan pengalaman sebagai guru disiplin?

## 1.6 Hipotesis Kajian

### 1.6.1 Hipotesis Nul

H<sub>01</sub>: Tidak terdapat perbezaan min di antara tahap stres guru disiplin lelaki dengan guru disiplin perempuan.

H<sub>02</sub>: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara tahap stres guru disiplin mengikut simptom fisiologi.

H<sub>03</sub>: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara tahap stres guru disiplin mengikut simptom psikologi.

H<sub>04</sub>: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara tahap stres guru disiplin mengikut simptom tingkah laku

H<sub>05</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap stres guru disiplin dengan umur.

H<sub>06</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap stres guru disiplin dengan pengalaman mengajar.

H<sub>07</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap stres guru disiplin dengan pengalaman sebagai guru disiplin.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai tahap stres guru disiplin adalah penting disebabkan berbagai-bagai sumbangannya. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbangkan pengetahuan dan pemahaman tentang fenomena stres dalam kalangan guru disiplin di sekolah menengah daerah Perak Tengah kepada ahli penyelidik. Selain itu, kajian ini dapat memberi pemindahan dan penggunaan maklumat untuk membentuk model teoritikal kajian untuk kajian selanjutnya dalam masalah yang sama tetapi masa dan lokasi kajian yang berlainan pula.

Kajian ini dapat diguna pakai oleh pengamal, iaitu di peringkat sekolah, data diperoleh boleh memberi kesedaran dan pengetahuan kepada guru yang bakal dipertanggungjawabkan sebagai guru disiplin di sekolah menengah daerah Perak Tengah mengenai perkara-perkara yang boleh menghasilkan tekanan dan simptom stres kepada mereka. Dengan ini boleh membantu mereka lebih bersedia dan mempersiapkan diri dengan segala kemungkinan yang melahirkan stres.

Di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak, mereka boleh menggunakan data atau maklum balas sebagai panduan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menolong guru disiplin mengurangkan bebanan atau menghapuskan sama sekali stres yang dialami oleh guru disiplin. Berikutan itu, guru disiplin sekolah menengah daerah Perak Tengah dapat menjalankan tanggungjawab dan tugas secara berkesan dan dalam suasana yang harmoni.